

29 AUG 1996

INSENTIF BARU DI LABUAN AKAN MANFAATKAN GOLONGAN PROFESIONAL TEMPATAN

Oleh: Yong Soo Heong

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Golongan profesional tempatan dalam bidang kewangan, percukaian, insurans dan undang-undang yang menjalankan kegiatan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (IOFC) akan mendapat manfaat daripada beberapa insentif yang sedang dirangka oleh pihak berkuasa, demikian menurut sumber-sumber kewangan hari ini.

Salah seorang daripada mereka yang menghadiri dialog tertutup dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan di sini berkata pihak-pihak berkuasa terbabit diingatkan bahawa bukan pegawai dagang saja yang menjayakan segala perancangan di Labuan malah golongan profesional tempatan sendiri turut memberi sumbangan mereka.

"Golongan profesional asing diberi galakan cukai ketika bertugas di sini. Oleh itu, golongan profesional tempatan juga patut diberi ganjaran yang serupa kerana mereka juga turut memberi sumbangan ke arah menjayakan Labuan sebagai IOFC," tegas Anwar.

Sumber berkenaan yang mengetuai sebuah bank luar pesisir asing sejak dua tahun lepas berkata apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kemajuan berterusan Labuan sebagai sebuah IOFC banyak bergantung kepada kehadiran tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang sesuai ketika merasmikan Ujana Kewangan Labuan di sini adalah tepat sekali.

"Sehubungan itu, kita perlu menyediakan galakan bagi menarik golongan profesional tempatan ke Labuan. Tidak dinafikan kita memerlukan pelabur asing. Tetapi jangan lupa anak tempatan juga memainkan peranan penting di sini," tegas beliau.

Adalah difahamkan bahawa LOFSA sedang merangka satu program bagi menarik golongan profesional dan pekerja mahir untuk datang dan menetap di Labuan bagi menyokong industri luar pesisir di sini.

Sesetengah pemilik bank menganggap Labuan sebagai tempat yang menawarkan kesulitan dan berpendapat suatu bentuk insentif atau pampasan perlu disediakan bagi mereka yang menjalankan operasi di sini.

Bagaimanapun, sejak lebih dua tahun lalu, kemudahan di pulau itu semakin bertambah dengan sekurang-kurangnya sudah terdapat tiga hotel bertaraf mewah dan sebuah sekolah antarabangsa.

Seorang juru bank tempatan yang menjalankan operasi luar pesisir di sini berkata kini Ujana Kewangan sudahpun dibuka dan LOFSA patut mencari jalan untuk menarik akauntan, perancang percukaian, peguam, pakar insurans dan pemilik bank untuk bekerja di Labuan.

Seorang pegawai dagang yang bertugas dengan sebuah bank luar pesisir asing pula berpendapat lambat laun Labuan akan muncul sebagai sebuah IOFC yang ternama.

"Bagaimanapun, untuk mempertingkatkan lagi kejayaannya, Labuan memerlukan orang yang paling tepat untuk tujuan itu," kata beliau.

Berdasarkan apa yang tersirat dalam ucapan Perdana Menteri hari ini, pegawai dagang itu berkata lebih banyak perkara akan dibuat untuk Labuan.

Ini termasuk pindaan terhadap beberapa peraturan undang-undang yang sedia ada dan penggubalan peraturan-peraturan baru. Sebagai contoh, kerajaan baru saja meluluskan Akta Amanah Luar Pesisir bulan lepas dan telah mengenal pasti Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir, Akta Industri Sekuriti Luar Pesisir dan Akta Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Berasaskan Islam antara akta baru yang akan dilaksanakan.

Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 juga akan dipinda bagi membolehkan rakyat Malaysia memiliki syarikat-syarikat luar pesisir di samping membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir melabur di Malaysia.

"Kita sudah menyaksikan perkembangan pesat dalam tempoh lima tahun lepas dan bakal menyaksikan lebih banyak pencapaian dalam masa lima tahun akan datang berdasarkan kesungguhan kerajaan dalam memajukan Labuan sebagai sebuah IOFC," kata juru bank asing berkenaan. -- BERNAMA

SHY DIN/sia